




JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI

Aras 6 & 7, Blok A, Menara Kinabalu
Jalan UMS, Teluk Likas
Beg Berkunci 2057, 88999 Kota Kinabalu
SABAH, MALAYSIA
Tel.: 088-368900
Faks.: 088-215116
Laman web: jpkn.sabah.gov.my



Ruj. Kami : JPKN 100-4 JLD.2 (80)

Tarikh : 06 Februari 2023

SEMUA KETUA PENOLONG PENGARAH/KETUA CAWANGAN/KETUA PASUKAN INOVASI DIGITAL/ KETUA KSIT

Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING DALAMAN JPKN BIL.06/2023 LARANGAN MENYERTAI JUDI ATAS TALIAN PADA WAKTU BEKERJA JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI

Dengan hormatnya, saya merujuk perkara di atas dan Mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib Bil.1/2023 pada 20 Januari 2023 adalah berkaitan .

2. Perjudian *online* ataupun judi dalam talian merupakan suatu bentuk permainan perjudian yang dilakukan menggunakan komputer atau peranti mudah alih seperti telefon pintar dan tablet. Pada masa kini, penularan kegiatan judi dalam talian semakin membimbangkan dan didapati segelintir kakitangan jabatan mempunyai kecenderungan untuk terjebak dan bermain serta ketagih dalam permainan judi dalam talian ini.

3. Pihak jabatan amat memandang serius perkara ini dan tindakan tatatertib di bawah **Peraturan 208 (2) (a), 208 (2)(b), 208 (2)(c), 208 (2) (d) dan 221, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah (PPPANS) 2008** boleh diambil ke atas pegawai yang didapati melibatkan diri dalam perjudian atas talian pada **waktu bekerja termasuk luar waktu pejabat**.

4. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab semua Ketua Penolong Pengarah, Ketua Cawangan, Ketua Pasukan Inovasi Digital dan Ketua KSIT untuk membuat pemantauan dan laporan kepada Pengarah sekiranya didapati ada kakitangan yang terlibat dalam perjudian atas talian ini. Sila pastikan semua pegawai di bawah jagaan tuan/puan masing-masing mengambil maklum pekeliling ini.

...2/



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO. : QMS 03767



CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013
CERT. NO. ISMS 00125



“SABAH MAJU JAYA”

Ruj. Kami : JPKN 100-4 JLD.2 (80)
Tarikh : 06 Februari 2023

Sekian dan terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“PROFESIONALISME TERAS KEUNGGULAN”**


(ERNYWATI DEWI BINTI ABAS) -
Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri

PIAA/ea